



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Kewangan
Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8884 7679
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.800-4/4/28 JLD. 22 (23)
Tarikh : 27 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2024: BANTUAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bilangan 4 Tahun 2024: Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan oleh YBhg. Dato' Indera Ketua Setiausaha pada 6 Mei 2024 bagi menggantikan SPK Bilangan 2 Tahun 2021: Bantuan KWAPM KPM. SPK terbaharu ini dikeluarkan bertujuan untuk menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Bantuan KWAPM selaras dengan arahan dan keperluan semasa.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **SPK, Garis Panduan (GP) Pengurusan Bantuan KWAPM Tahun 2024 dan Soalan Lazim (FAQ) Pengurusan Bantuan KWAPM Tahun 2024** berkaitan pelaksanaan Bantuan KWAPM di peringkat Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/sekolah yang **berkuat kuasa mulai tarikh SPK ini dikeluarkan.**

...2/-

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk menghebahkan dan memanjangkan perkara ini kepada Bahagian/JPN/PPD/sekolah di bawah seliaan masing-masing dengan **segera**. Sebagai makluman jua, SPK, GP dan FAQ ini boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi KPM. Selaras dengan pemakluman ini, SPK Bilangan 2 Tahun 2021: Bantuan KWAPM KPM **adalah dibatalkan**.

5. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam memastikan kelancaran pengurusan dan pelaksanaan Bantuan KWAPM adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(YAHYA BIN AB GHANI)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan Kepada:

1. KSU
2. KPPM
3. TKPPM (SDK)
4. TKPPM (SPP)
5. TKSU (PP)
6. TKSU (P)
7. TKPPM (SOS)
8. KA, Bahagian Akaun
9. SUB, Bahagian Pengurusan Maklumat
10. SUB, Bahagian Audit Sekolah

SENARAI EDARAN

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Setiausaha Bahagian
Bahagian PERMATA

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Pengetua/Guru Besar



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.100-1/4/2 Jld.4 (54)
Tarikh : 06 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2024: BANTUAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Kewangan ("SPK") ini bertujuan menggariskan peraturan dan tatacara pelaksanaan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ("KWAPM"), Kementerian Pendidikan Malaysia ("KPM").

LATAR BELAKANG

2. KWAPM telah ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] berdasarkan Surat Ikatan Amanah yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia ("MOF") pada 10 April 2003. Ia bertujuan memberi bantuan kepada murid di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan ("PGK") Nasional semasa dalam kategori miskin tegar supaya tidak tercicir dalam persekolahan dan dapat meneruskan pendidikan di sekolah.

3. Penubuhan KWAPM adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang mula berkuat kuasa pada Januari 2003. Sumber peruntukan adalah melalui peruntukan tahunan yang diterima daripada MOF dan sumbangan wang awam. Bantuan KWAPM terdiri daripada dua jenis iaitu Bantuan Am Persekolahan ("BAmP") dan Bantuan Kecemasan ("BK").

4. Berdasarkan kepada perkembangan dan keperluan masa kini, beberapa perubahan ke atas dasar, tatacara permohonan dan pengurusan bantuan perlu dilakukan bagi memastikan sistem penyampaian bantuan kepada kumpulan sasar menjadi lebih cekap dan berkesan. Sehubungan dengan itu, SPK Bilangan 2 Tahun 2021 dikemaskini dan dipinda berdasarkan kepada perubahan-perubahan berikut:

- 4.1 Perubahan asas kelayakan penerima.
- 4.2 Penambahbaikan kepada SPK terdahulu.

PELAKSANAAN

Tafsiran

5. Dalam SPK ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

- 5.1 **“Murid”** bermaksud warganegara Malaysia daripada keluarga miskin tegar di bawah PGK Nasional semasa dan bersekolah di Sekolah Kerajaan (“SK”) atau Sekolah Bantuan Kerajaan (“SBK”) di bawah KPM;
- 5.2 **“Data eKasih”** bermaksud data murid SK atau SBK yang menepati kriteria isi rumah miskin tegar penerima Bantuan KWAPM yang dijana daripada Sistem eKasih. Data disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (“ICU”), Jabatan Perdana Menteri (“JPM”);
- 5.3 **“Data Sedia Ada” (“DSA”)** bermaksud data murid SK atau SBK menepati kriteria penerima Bantuan KWAPM yang dijana daripada Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (“APDM”) dan diperaku oleh Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (“JBPS”);
- 5.4 **“Data Murid Orang Asli” (“DMOA”)** bermaksud data murid Orang Asli SK atau SBK menepati kriteria penerima Bantuan KWAPM yang dijana daripada Sistem APDM dan diperaku oleh JBPS;

- 5.5 **“Ketua Isi Rumah” (“KIR”)** bermaksud kalangan ahli isi rumah biasa sesuatu tempat kediaman yang diberi tanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli-ahli isi rumah tempat kediaman tersebut;
- 5.6 **“Ahli Isi Rumah” (“AIR”)** bermaksud mereka yang dianggap sebagai penghuni biasa di tempat kediaman tersebut;
- 5.7 **“Pendapatan Isi Rumah” (“PIR”)** bermaksud semua bentuk pendapatan ibu bapa/penjaga di bawah PGK Nasional semasa dalam kategori miskin tegar yang diperolehi daripada sumber-sumber berikut:
- (a) gaji kasar dan segala pendapatan lain seperti hasil sewaan, nafkah, pencen, royalti, faedah dan dividen;
 - (b) kiraan purata pendapatan bulanan hasil jualan pertanian atau pendapatan daripada perniagaan;
 - (c) sumbangan tetap daripada anak-anak yang telah bekerja; dan
 - (d) sumbangan tetap daripada agensi Kerajaan atau pihak swasta seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Pungutan Zakat.
- 5.8 **“Per Kapita”** bermaksud jumlah PIR dibahagi dengan bilangan AIR yang hanya terdiri daripada keluarga asas sahaja **termasuk ibu bapa/penjaga murid**. AIR adalah **tidak termasuk** anak yang telah bekerja atau berkahwin atau berumur 21 tahun ke atas kecuali anak kurang upaya atau anak yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi.

PUNCA KUASA PENGGUNAAN DATA

6. Murid yang dikategorikan sebagai penerima Bantuan KWAPM adalah ditetapkan daripada sumber berikut:

6.1 Data eKasih

Mesyuarat *Focus Group* mengenai Pembasmian Kemiskinan Bilangan 1 Tahun 2010 bertarikh 7 Januari 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua

Setiausaha Negara telah memutuskan bahawa semua kementerian/jabatan/agensi perlu menggunakan data eKasih yang dikemaskini oleh ICU, JPM sebagai rujukan utama untuk memberi bantuan pembasmian kemiskinan.

6.2 Data Sedia Ada (“DSA”)

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2011 bertarikh 18 Mac 2011 telah memutuskan bahawa pembayaran Bantuan KWAPM mulai tahun 2011 perlu menggunakan DSA bagi Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Satu (1). Walau bagaimanapun, dalam pembentangan Belanjawan 2024, Kerajaan telah mengumumkan peluasan pemberian Bantuan KWAPM sehingga Tingkatan Tiga (3) di SK dan SBK bermula tahun 2024.

6.3 Data Murid Orang Asli (“DMOA”)

Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (“MPKMOA”) ke-12 Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 29 Ogos 2014 telah memutuskan penggunaan Sistem APDM bagi mengenal pasti murid Orang Asli yang akan menerima Bantuan KWAPM.

KRITERIA KELAYAKAN

7. Kriteria kelayakan murid penerima Bantuan KWAPM adalah seperti berikut:

- 7.1 Murid warganegara Malaysia berdasarkan catatan dalam sijil kelahiran dan bersekolah di semua SK dan SBK di bawah KPM;
- 7.2 Murid Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Tiga (3) bagi BAmP dan Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Lima (5) bagi BK;
- 7.3 KIR berdaftar dengan Sistem eKasih dan disahkan berada pada PGK Nasional semasa dalam kategori miskin tegar sahaja; dan

7.4 PIR untuk murid eKasih, DSA dan DMOA adalah berdasarkan PGK Nasional semasa.

8. Murid yang telah menerima biasiswa/elaun/bantuan berbentuk kewangan atau apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak adalah layak dipertimbangkan untuk menerima Bantuan KWAPM jika memenuhi kriteria kelayakan.

9. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ("MBPK") yang bersekolah di SK dan SBK di bawah KPM juga layak menerima Bantuan KWAPM sekiranya memenuhi kriteria kelayakan. Dalam hubungan ini, MBPK di peringkat menengah di SK dan SBK layak menerima Bantuan KWAPM bagi tempoh tiga (3) tahun pertama mereka bersekolah tertakluk kepada memenuhi kriteria kelayakan.

KADAR DAN KAEDAH AGIHAN

10. Kadar Bantuan KWAPM adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	KADAR BANTUAN (RM)		MURID PENERIMA
	SEKOLAH RENDAH	SEKOLAH MENENGAH	
Bantuan Am Persekolahan ("BAmP")	100	150	Tahun 1 hingga Tingkatan 3
Bantuan Kecemasan ("BK")	300	300	Tahun 1 hingga Tingkatan 5

11. Bantuan KWAPM perlu diagihkan kepada murid secara tunai atau dikredit terus ke akaun bank murid tertakluk kepada keputusan JBPS.

BANTUAN AM PERSEKOLAHAN ("BAmP")

12. Bantuan ini diberikan kepada murid Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Tiga (3) sebanyak satu (1) kali setahun. Data murid penerima bantuan disediakan melalui kaedah berikut:

- 12.1 data murid yang KIR berdaftar dengan Sistem eKasih serta disahkan berada pada PGK Nasional semasa dalam kategori miskin tegar dipadankan dengan data dalam Sistem APDM bagi mengenal pasti maklumat sekolah terkini murid; dan
- 12.2 DMOA dan murid daripada DSA yang KIR berada pada paras miskin tegar akan dimuat turun daripada Sistem APDM.

BANTUAN KECEMASAN (“BK”)

13. Bantuan ini dipertimbangkan kepada murid Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Lima (5) tertakluk kepada kriteria kes kecemasan seperti berikut:

- 13.1 bencana alam atau kebakaran tempat kediaman yang menjejaskan peralatan persekolahan;
- 13.2 KIR meninggal dunia atau menghadapi penyakit kronik atau mengalami keilangan kekal yang menjejaskan pendapatan keluarga dan persekolahan murid;
- 13.3 murid bukan penerima Bantuan KWAPM yang KIR meninggal dunia, menghadapi penyakit kronik atau mengalami keilangan kekal yang menjejaskan pendapatan keluarga dan persekolahan murid jika memenuhi syarat asas kelayakan penerima Bantuan KWAPM;
- 13.4 murid yang tercicir daripada persekolahan kerana kemiskinan; dan
- 13.5 pendapatan PIR hendaklah tidak melebihi per kapita PGK Nasional semasa.

14. Tempoh permohonan kes kecemasan adalah tiga (3) bulan daripada tarikh kes kecemasan tersebut berlaku. Sekiranya permohonan melangkaui tahun, tempoh tiga (3) bulan adalah masih terpakai.

KEKECUALIAN

15. Perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana perenggan dalam SPK mahupun **Garis Panduan (“GP”) Pengurusan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (“KWAPM”)** hendaklah dirujuk dengan kadar segera kepada Bahagian Kewangan (“BKew”), KPM untuk pertimbangan dan keputusan muktamad.

PEMAKAIAN

16. SPK ini merupakan punca kuasa umum dalam pengurusan Bantuan KWAPM dan hendaklah dibaca bersama GP Pengurusan Bantuan KWAPM terkini dikeluarkan oleh BKew, KPM yang menjelaskan mengenai pengurusan Bantuan KWAPM secara terperinci.

17. Pindaan pada SPK adalah di bawah kuasa Pegawai Pengawal manakala pindaan pada GP Pengurusan Bantuan KWAPM yang tidak bercanggah dengan SPK adalah di bawah kuasa Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)/Setiausaha Bahagian Bkew, KPM atau pegawai yang diarah menanggung kerja setelah mendapat ulasan BKew, KPM.

18. Kegagalan atau keengganan mematuhi SPK dan GP Pengurusan Bantuan KWAPM yang dikeluarkan ini tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] dan peraturan semasa dan yang sedang berkuat kuasa dan/atau tindakan undang-undang.

PEMBATALAN

19. Dengan berkuat kuasanya SPK ini, maka Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2021: Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

20. SPK ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh SPK ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
06 Mei 2024

s.k.:

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
3. Kementerian Kewangan Malaysia
4. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
5. Jabatan Kemajuan Orang Asli

SENARAI EDARAN

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Setiausaha Bahagian
Bahagian PERMATA

Ketua Akauntan
Bahagian Akaun

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Sekolah

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Pengetua/Guru Besar



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN BANTUAN
KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN
(KWAPM)**

**BAHAGIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14 MEI 2024**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1	Tujuan	1
2	Tatacara Pengurusan Bantuan Am Persekolahan (BAmP) KWAPM	1
3	Tatacara Perakaunan Bantuan Am Persekolahan (BAmP) dan Bantuan Kecemasan (BK) KWAPM	7
4	Penyelaras Fungsi Bantuan Am Persekolahan (BAmP) KWAPM	10
5	Tatacara Pengurusan Bantuan Kecemasan (BK) KWAPM	11
6	Tatacara Pengurusan Khas	17
7	Penutup	18

SENARAI BORANG

1. Borang Permohonan Bantuan Persekolahan Borang PB-1
2. Borang Pengesahan Pendapatan Borang PB-2
3. Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM
4. Statistik Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM
5. Borang Akuan Penerimaan KWAPM

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN BANTUAN
KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN
(KWAPM)**

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini disediakan bertujuan memberi penerangan mengenai tatacara pengurusan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Terdapat dua (2) jenis bantuan yang diberikan kepada murid iaitu:

- (a) Bantuan Am Persekolahan (BAmP); dan
- (b) Bantuan Kecemasan (BK).

**2. TATACARA PENGURUSAN BANTUAN AM PERSEKOLAHAN (BAmP)
KWAPM**

2.1 Penyediaan Data Murid

- (a) Sumber data murid Tahun 1 hingga Tingkatan 3 termasuk Kelas Peralihan yang dikategorikan sebagai penerima Bantuan Am Persekolahan (BAmP) KWAPM adalah daripada Sistem eKasih dan Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) bagi Data Sedia Ada (DSA) yang mana Pendapatan Isi Rumah (PIR) adalah mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional 2022 dalam kategori **miskin tegar**.
- (b) Maklumat murid perlu dikemaskini dalam Sistem APDM berdasarkan arahan tarikh pengemaskinian data murid oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Bantuan tidak dapat diberikan kepada murid jika maklumat tidak diisi dengan lengkap dalam tempoh yang telah ditetapkan. Murid yang memulakan persekolahan selepas tarikh tutup permohonan BAmP KWAPM juga tidak akan menerima bantuan pada tahun semasa.

- (c) Data murid yang telah dikemaskini dengan lengkap dalam Sistem APDM akan dijana bagi tujuan penyediaan senarai nama murid yang layak menerima BAmP KWAPM pada tahun semasa.

2.2 Tanggungjawab Penyelaras

Selaras dengan usaha memastikan urusan pelaksanaan BAmP KWAPM berjalan lancar, pihak sekolah, Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian perlu menggalas tanggungjawab dan peranan seperti berikut:

2.2.1 Sekolah

- (a) Mengemaskini maklumat murid dalam Sistem APDM berdasarkan PGK Nasional 2022 dalam kategori **miskin tegar** bagi tempoh yang ditetapkan.

- (b) Maklumat berikut perlu dilengkapkan dalam Sistem APDM:

- i. nombor kad pengenalan murid;
- ii. nama murid;
- iii. tahun/tingkatan murid;
- iv. status warganegara murid;
- v. kaum/bangsa murid;
- vi. nama ibu bapa/penjaga;
- vii. nombor kad pengenalan ibu bapa/penjaga;
- viii. jumlah pendapatan ibu bapa/penjaga - perlu isi medan jumlah pendapatan walaupun dengan nilai sifar (RM0); dan
- ix. jumlah tanggungan ibu bapa/penjaga Ahli Isi Rumah (AIR).

- (c) Mengedarkan Borang Permohonan Bantuan Persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) - Borang PB-1 dan Borang PB-2 untuk dilengkapkan oleh ibu bapa/penjaga murid

dengan Pendapatan Isi Rumah (PIR) berada di bawah PGK Nasional 2022 dalam kategori **miskin tegar** seperti berikut:

BORANG	IBU BAPA/ PENJAGA	PENGESAHAN PENDAPATAN
PB-1	Mempunyai majikan	Salinan penyata pendapatan/slip gaji
PB-2	Bekerja sendiri	Disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengamal Undang-Undang/ Jaksa Pendamai/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Penggawa/ Pengerusi Persatuan Penduduk

- (d) Pihak sekolah bertanggungjawab melaksanakan saringan murid yang layak untuk dipertimbangkan menerima BAmP KWAPM melalui JBPS.
- (e) Senarai nama murid yang diluluskan oleh JBPS hendaklah dikemaskini dalam Sistem APDM berdasarkan takwim pelaksanaan BAmP KWAPM yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan (BKew), KPM.
- (f) Pihak sekolah perlu memfailkan semua Borang Permohonan Bantuan Persekolahan KPM (Borang PB-1/Borang PB-2), minit mesyuarat JBPS dan dokumen kewangan bagi tujuan rekod, pemantauan dan pengauditan.

2.2.2 Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah

- (a) Pihak sekolah hendaklah menubuhkan JBPS yang bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setahun atau mengikut keperluan semasa. Keahlian JBPS adalah seperti berikut:
 - i. Pengetua atau Guru Besar (PGB) sebagai Pengerusi;

- ii. Guru Penolong Kanan (Pengerusi Ganti sekiranya ketiadaan Pengerusi);
- iii. Guru Penyelaras Bantuan KWAPM;
- iv. Guru Penyelaras APDM;
- v. sekurang-kurangnya dua orang wakil daripada Persatuan Ibumaba-Guru (PIBG) (selain guru atau kakitangan sekolah) sekiranya perlu; dan
- vi. Ketua Kampung atau Ketua Masyarakat setempat sekiranya perlu.

(b) Fungsi dan tanggungjawab JBPS adalah seperti berikut:

- i. memperaku murid yang layak terima BAmP KWAPM;
- ii. menyediakan senarai nama murid:
 - telah diperaku; dan
 - tidak diperaku bersama justifikasi penolakan.
- iii. menyediakan minit mesyuarat yang lengkap dengan maklumat bagi tujuan rekod, pemantauan dan pengauditan;
- iv. menolak nama murid yang Ketua Isi Rumah (KIR) mempunyai pendapatan yang meragukan atau melebihi PGK Nasional 2022 dalam kategori **miskin tegar** bersama justifikasi penolakan bagi semua kategori data eKasih dan DSA; dan

- v. menentukan kaedah pemberian BAmP KWAPM sama ada melalui pemberian wang tunai atau dikredit terus ke akaun bank murid.
- (c) JBPS bertanggungjawab menentukan murid yang layak sahaja diperaku untuk menerima BAmP KWAPM. Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya tidak mematuhi kriteria dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bantuan KWAPM yang sedang berkuat kuasa.

2.2.3 Pengetua atau Guru Besar

- (a) Mempengerusikan Mesyuarat JBPS.
- (b) Mengesahkan Borang Permohonan Bantuan Persekolahan KPM (Borang PB-1).
- (c) Melaksanakan agihan BAmP KWAPM kepada murid yang layak setelah menerima peruntukan daripada BKew, KPM mengikut tatacara dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- (d) Mengemukakan Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM kepada Bahagian/JPN/PPD bagi tujuan pengesahan BAmP KWAPM telah selesai diagihkan kepada murid yang layak.

2.2.4 Bahagian, KPM

- (a) Memastikan semua sekolah di bawah seliaan mengemaskini maklumat murid dengan lengkap dalam Sistem APDM berdasarkan takwim pelaksanaan BAmP KWAPM.
- (b) Memastikan tiada sekolah yang tercicir dalam proses pengemaskinian maklumat murid dalam Sistem APDM.

- (c) Mengesahkan Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM yang dikemukakan oleh pihak sekolah setelah BAmP KWAPM selesai diagihkan kepada murid yang layak.
- (d) Mengadakan pemantauan ke sekolah bagi memastikan pelaksanaan BAmP KWAPM mengikut tatacara dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2.2.5 Pejabat Pendidikan Daerah

- (a) Memastikan semua sekolah di bawah seliaan PPD mengemaskini maklumat murid dengan lengkap dalam Sistem APDM berdasarkan takwim pelaksanaan BAmP KWAPM.
- (b) Memastikan tiada sekolah yang tercicir dalam proses pengemaskinian maklumat murid dalam Sistem APDM.
- (c) Mengesahkan Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM yang dikemukakan oleh pihak sekolah setelah BAmP KWAPM selesai diagihkan kepada murid yang layak.
- (d) Mengadakan sesi bimbingan kepada pihak sekolah mengikut keperluan bagi memastikan pelaksanaan BAmP KWAPM mengikut tatacara dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2.2.6 Jabatan Pendidikan Negeri

- (a) Memastikan tiada sekolah yang tercicir dalam proses pengemaskinian maklumat murid dalam Sistem APDM.
- (b) Mengesahkan Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM yang dikemukakan oleh pihak sekolah setelah BAmP KWAPM selesai diagihkan kepada murid yang layak bagi negeri yang tidak mempunyai PPD.

- (c) Mengadakan pemantauan ke sekolah bersama-sama PPD berdasarkan keperluan bagi memastikan pelaksanaan BAmP KWAPM mengikut tatacara dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2.3 Tindakan Undang-undang

Sekiranya didapati terdapat sebarang unsur penipuan atau ketidakjujuran dalam proses perakuan murid penerima BAmP KWAPM, pendaftaran dalam Sistem eKasih, urusan terimaan dan agihan bantuan oleh mana-mana pihak yang terlibat, tindakan undang-undang di bawah Akta 694 (Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) boleh dikenakan.

3. TATACARA PERAKAUNAN BANTUAN AM PERSEKOLAHAN (BAmP) DAN BANTUAN KECEMASAN (BK) KWAPM

3.1 Penyaluran Peruntukan

- (a) Sekolah perlu mengemaskini maklumat akaun bank Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) terkini dalam sistem yang disediakan. Kegagalan untuk mengemukakan nombor akaun bank KWK yang terkini akan menyebabkan penyaluran peruntukan Bantuan KWAPM tidak dapat dilaksanakan.
- (b) BKew, KPM akan menyalurkan peruntukan terus ke akaun bank KWK sekolah berdasarkan maklumat keperluan yang dijana daripada sistem. Surat pemakluman penyaluran peruntukan akan dikemukakan kepada Bahagian/JPN bertujuan memaklumkan peruntukan telah disalurkan ke akaun bank KWK sekolah.
- (c) Surat pemakluman akan dikemukakan kepada Bahagian/JPN setelah peruntukan disalurkan ke akaun bank KWK sekolah.

- (d) Bahagian/JPN hendaklah memanjangkan surat pemakluman tersebut kepada PPD/sekolah dengan segera. Pihak sekolah boleh memuat turun penyata bank secara dalam talian atau mendapatkan pengesahan peruntukan telah diterima daripada pihak bank.
- (e) Resit Rasmi/Resit Rasmi Pejabat (RP.01) hendaklah dikeluarkan oleh pihak sekolah apabila peruntukan telah diterima dalam akaun bank KWK sekolah. Resit hendaklah dikeluarkan atas nama **Setiausaha Bahagian Kewangan - KPM** dan direkodkan bawah **Lajur Bantuan Persekolahan Lain** atas nama **Peruntukan Bantuan KWAPM**. Pihak sekolah hendaklah mengunci masuk semua transaksi Bantuan KWAPM ke Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS). Pihak sekolah perlu menyimpan resit tersebut sebagai rekod bagi tujuan pemantauan dan pengauditan.

3.2 Agihan Bantuan

- (a) Bantuan perlu diagihkan kepada murid yang layak **dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh peruntukan diterima oleh pihak sekolah.**
- (b) Ibu bapa/penjaga hendaklah menandatangani Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM setelah menerima wang tunai sebagai bukti penerimaan. Pihak sekolah hendaklah mengemukakan borang ini kepada Bahagian/JPN/PPD untuk pengesahan. Jika bantuan ini dikredit terus ke akaun bank murid, ibu bapa/penjaga tidak perlu menandatangani Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM.
- (c) Tatacara pengeluaran wang tunai daripada bank oleh pihak sekolah adalah berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan

yang sedang berkuat kuasa. Pengeluaran wang tunai adalah seperti berikut:

- i. pengeluaran wang tunai hingga RM10,000 oleh Pengetua atau Guru Besar hendaklah diiringi oleh dua (2) orang guru; dan
 - ii. pengeluaran wang tunai melebihi RM10,000 oleh Pengetua atau Guru Besar adalah diwajibkan mengambil langkah-langkah keselamatan tambahan seperti mendapatkan perkhidmatan Polis Pengiring berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP137) iaitu mengenai Tanggungjawab Bagi Wang Tunai Dalam Perjalanan.
- (d) Pihak Bahagian/JPN/PPD/sekolah perlu memastikan bahawa murid menerima Bantuan KWAPM sepenuhnya berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

3.3 Pemulangan Lebihan Peruntukan

- (a) Lebihan peruntukan adalah perbezaan jumlah peruntukan yang diterima oleh pihak sekolah berbanding jumlah agihan BAmP KWAPM kepada murid.
- (b) Pihak sekolah hendaklah mengembalikan lebihan peruntukan kepada BKew, KPM melalui cek atas nama **Akauntan Negara Malaysia-KPM-T sebelum 31 Oktober tahun semasa.**

Cek tersebut perlu ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa melalui Kuasa Tetap (Borang AK 52) seperti berikut:

- i. lehi an peruntukan bernilai kurang daripada RM10,000, kuasa menandatangani cek perlu diberikan kepada dua (2) orang pegawai; dan

ii. lebih peruntukan bernilai RM10,000 dan ke atas, kuasa menandatangani cek perlu diberikan kepada tiga (3) orang pegawai.

(d) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP117), Tempoh Laku Cek adalah selama tiga (3) bulan daripada tarikh ia dikeluarkan.

(e) Semua tatacara pemulangan lebih peruntukan perlu berdasarkan Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah yang sedang berkuat kuasa di bawah bidang kuasa Bahagian Akaun (BA), KPM.

3.4 Punca Kuasa

Semua tatacara perakuan Bantuan KWAPM perlu berdasarkan Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah yang sedang berkuat kuasa di bawah bidang kuasa BA, KPM.

4. PENYELARAS FUNGSI BANTUAN AM PERSEKOLAHAN (BAmP) KWAPM

4.1 Bahagian Pengurusan Maklumat, KPM

(a) Menyedia dan menyelenggara sistem untuk pelaksanaan permohonan Bantuan KWAPM berdasarkan Takwim Pengurusan Bantuan KWAPM yang dikeluarkan oleh BKew, KPM.

(b) Memuat naik data murid penerima Bantuan KWAPM bagi Bahagian/JPN/PPD/sekolah mengikut PGK Nasional 2022 dalam kategori **miskin tegar**.

(c) Menyelaraskan data murid penerima Bantuan KWAPM yang telah diperaku oleh JBPS.

- (d) Menyediakan statistik bilangan dan senarai nama murid penerima Bantuan KWAPM bagi setiap Bahagian/JPN.
- (e) Memberi khidmat nasihat dan bantuan berkaitan sistem yang disediakan.
- (f) Menyediakan data murid penerima Bantuan KWAPM untuk tindakan oleh Bahagian/JPN.
- (g) Menyediakan data murid penerima Bantuan KWAPM yang diperlukan oleh BKew, KPM.

4.2 Bahagian Kewangan, KPM

- (a) Menerima statistik bilangan murid dan senarai nama murid penerima Bantuan KWAPM yang layak.
- (b) Menyalurkan peruntukan ke akaun bank KWK sekolah berdasarkan takwim pengurusan Bantuan KWAPM tahun semasa.
- (c) Mengemukakan maklumat murid penerima Bantuan KWAPM kepada Bahagian/JPN.

5. TATACARA PENGURUSAN BANTUAN KECEMASAN (BK) KWAPM

5.1 Tanggungjawab Penyelaras

Peranan Bahagian/JPN/PPD/sekolah adalah seperti berikut:

5.1.1 Sekolah

- (a) Guru kelas perlu mengenal pasti murid yang mengalami kes kecemasan seperti dinyatakan dalam SPK Bantuan KWAPM yang sedang berkuat kuasa dan mengemukakan

Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1 dan Borang PB-2 kepada murid tersebut.

- (b) Guru Penyelaras Bantuan menyemak **Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1 dan Borang PB-2** serta disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar.
- (c) Pihak sekolah perlu memaklumkan kepada ibu bapa/ penjaga supaya adik-beradik pemohon yang sedang bersekolah di SK dan SBK turut memohon BK KWAPM di sekolah masing-masing.
- (d) Pihak sekolah perlu mengemukakan **Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1, Borang PB-2**, dokumen sokongan yang lengkap dan surat iringan sekolah kepada Bahagian/JPN/PPD.
- (e) Setiap murid layak memohon BK KWAPM mengikut kekerapan kes kecemasan yang berlaku dalam tahun semasa.
- (f) Pihak sekolah perlu membuat agihan BK KWAPM kepada murid yang layak setelah menerima peruntukan daripada BKew, KPM mengikut tatacara dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- (g) Ibu bapa/penjaga hendaklah menandatangani **Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM** setelah menerima wang tunai sebagai bukti penerimaan. Pihak sekolah hendaklah mengemukakan borang ini kepada Bahagian/JPN/PPD untuk pengesahan. Jika bantuan ini dikredit terus ke akaun bank murid, ibu bapa/penjaga tidak

perlu menandatangani Borang Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM.

- (h) Pihak sekolah perlu memfailkan semua dokumen untuk tujuan rekod, pemantauan dan pengauditan.

5.1.2 Pejabat Pendidikan Daerah

- (a) Menerima **Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1, Borang PB-2**, dokumen sokongan yang lengkap dan surat iringan sekolah.
- (b) Menyemak permohonan sekolah serta meneliti laporan siasatan kes kecemasan. Sekiranya permohonan adalah meragukan, PPD perlu mendapatkan penjelasan daripada pihak sekolah.
- (c) Memastikan semua permohonan BK KWAPM dikemukakan terutama bagi murid yang mempunyai adik-beradik di sekolah yang sama atau berlainan.
- (d) Borang permohonan yang telah disemak dan disahkan oleh PPD kecuali sekolah di bawah JPN Perlis, JPWP Putrajaya dan JPWP Labuan hendaklah dikemukakan kepada JPN untuk pengesahan.

5.1.3 Jabatan Pendidikan Negeri

- (a) Menerima **Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1, Borang PB-2**, dokumen sokongan lengkap dan surat iringan sekolah daripada PPD.

- (b) Unit Hal Ehwal Murid (HEM) mengesah permohonan serta laporan siasatan kes kecemasan dan menyediakan **Statistik Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM**.
- (c) Pengarah atau Timbalan Pengarah perlu memperaku **Statistik Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM**. Unit HEM mengemukakan statistik yang telah diperaku kepada BKew, KPM.

5.1.4 Bahagian, KPM

- (a) Menerima **Borang Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM, Borang PB-1, Borang PB-2**, dokumen sokongan yang lengkap dan surat iringan daripada sekolah.
- (b) Menyemak dan mengesah permohonan sekolah serta meneliti laporan siasatan kes kecemasan sebelum menyediakan **Statistik Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM**.
- (c) Pengarah atau Timbalan Pengarah perlu memperaku **Statistik Permohonan Bantuan Kecemasan KWAPM**. Bahagian hendaklah mengemukakan statistik yang telah diperaku kepada BKew, KPM.
